

Bung Moktar sedia serah nama menteri kepada PM

UM 2 0 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Moktar Radin menyatakan kesediaannya untuk menyerahkan nama menteri-menteri Kabinet yang didakwa tidak cekap menjalankan tanggungjawab mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, beliau tidak berhasrat membuat pendedahan terbuka tentang nama menteri terbabit walaupun dicabar berbuat demikian oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Samy Vellu semalam.

Jelas beliau, ahli-ahli Kelab Penyokong-Penyokong Kerajaan (BBC) tidak menuduh semua menteri sebagai tidak cekap atau tidak bertanggungjawab dalam menjalankan tugas mereka kerana ia hanya melibatkan sege-lintir menteri.

“Kalau Perdana Menteri minta nama, kita sedia beri pandangan kita (mengenainya),” katanya kepada *Utusan* di lobi Parlimen hari ini.

Bung Moktar diminta mengulas cabaran Samy Vellu semalam yang meminta wakil-wakil rakyat yang membangkitkan soal tersebut menamakan menteri-menteri kabinet yang mereka dakwa tidak cekap menjalankan tugas supaya mudah dipecat oleh Perdana Menteri.

Beliau berkata, cara itu adalah lebih tepat, jelas dan tidak terus menuding jari ke arah semua menteri seperti yang mereka bangkitkan ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 di Dewan Rakyat kelmarin.

Mengulas lanjut, Bung Moktar berkata, ahli-ahli BBC yang membangkit-

kan perkara itu berbuat demikian semata-mata untuk kepentingan rakyat dan negara.

“Kami tak ada agenda untuk menjatuhkan mana-mana pihak.

“Hanya mahu memastikan golongan terbaik berada dalam kerajaan,” katanya.

Dalam hubungan ini, tegas Bung Moktar, Samy Vellu tersalah tafsir kenyataan mereka sehingga mengang-gapkan wakil rakyat terlibat menuduh semua menteri tidak bertanggungjawab.

Bung berkata, kelemahan segelintir menteri tersebut begitu ketara dan dilihat langsung tidak berperanan membantu menjana ekonomi negara.

“Justeru kita membuat cadangan itu (pecat menteri) untuk membetulkan struktur pentadbiran dari atas ke bawah,” katanya.

Ditanya mengenai bilangan menteri yang dianggap tidak cekap, beliau enggan mendedahkannya sambil menegaskan:

“Kita tidak mempunyai angka tertentu atau terperinci.”

Sementara itu, ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamad Aziz menegaskan, beliau juga sedia mendedahkan nama menteri terbabit dalam perbincangan Belanjawan 2002 nanti jika perlu.

Menurut beliau, Samy Vellu tidak sepatutnya mencabar ahli-ahli BBC agar membuat pendedahan tersebut secara terbuka.

“Kita bercakap kerana mempunyai asas. Lagipun kita bukan cakap semua menteri. Dia tak faham ke apa yang keluar dalam akhbar,” katanya.

Mohamad menambah, ahli-ahli

BBC juga tidak meminta agar semua menteri hadir ke Parlimen setiap hari kerana sedar mereka mempunyai banyak komitmen dan tanggungjawab.

“Kita bukannya bodoh sangat. Sebab itu kita kata sekali-sekali datanglah ke Parlimen bila ada kelapangan, jenguk keadaan dan jawab soalan yang dikemukakan wakil rakyat,” kata beliau yang turut menyokong kritikan Bung Moktar di Dewan Rakyat kelmarin.

Dalam hubungan ini katanya, Samy Vellu tidak perlu bersikap emosional kerana ahli-ahli BBC hanya membuat teguran yang membina.

Ditanya sama ada nama Samy Vellu berada dalam senarai menteri tidak cekap, Mohamad berkata, namanya tiada dan pemimpin tersebut tidak perlu merasa bimbang.